



SIARAN MEDIA

PEMILIK DEGIL BINA STRUKTUR DI KAWASAN AWAM - MPS ROBOH TIGA PONDOK SEMBAH HARAM

MPS pada hari ini telah melaksanakan satu operasi bersepadu merobohkan tiga pondok sembah yang didapati dibina di kawasan awam tanpa kebenaran. Pondok-pondok sembah yang diroboh ini melibatkan dua lokasi iaitu satu di Taman Ehsan, Kepong dan dua di Selayang Utama. Tindakan perrobohan ini dibuat selepas MPS menerima aduan tentang pondok sembah tersebut yang dibina di tempat awam sehingga menimbulkan kacau ganggu. Tindakan perrobohan ini dibuat selaras dengan Seksyen 46 (1) a - Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Untuk makluman, operasi ini merupakan operasi ketiga yang dijalankan oleh MPS melibatkan perrobohan pondok sembah haram. Dua operasi telah dilaksanakan pada 18 dan 26 April 2021 melibatkan perrobohan dua pondok sembah di Taman Sri Batu Caves dan Perindustrian Rawang Integrated.

Dalam operasi yang sama, MPS juga telah membuat satu perrobohan melibatkan satu struktur binaan haram perniagaan cuci kereta di Jalan KIP 2, Taman Perindustrian KIP.

Operasi bersepadu ini telah diketuai oleh Jabatan Pengawal Kelembagaan dan Keselamatan MPS dan 10 anggota, pegawai dari Jabatan Perancang Bandar MPS dan 4 Anggota dari Polis Diraja Malaysia. MPS ingin memberi amaran kepada semua pihak bahawa pemantauan dan tindakan terhadap sebarang binaan tanpa kebenaran akan terus dilaksanakan bagi memastikan pematuhan undang-undang dan kesejahteraan persekitaran.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:
En. Mohamad Zin Bin Masoad A.M.S.
Pengarah
Jabatan Korporat

B.P
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

03 Mei 2021